



UiTM@Media **2016**

Karya Inovasi



UITM@Media
2016

Penyatuan **rumpun** **dua negara**

» Pameran
Pendidikan Seni
Rupa ASEAN 2015
eratkan hubungan
Malaysia, Indonesia

Oleh Nur Fatin Mohd Satar
upen@bh.com.my

► Shah Alam

Sebanyak 152 karya seni rupa dalam Pameran Pendidikan Seni Rupa ASEAN 2015 dipamerkan bagi menyatukan dua rumpun negara serantau iaitu Malaysia dan Indonesia bertemakan *Breaking Dissent: The ASEAN Vision*, di sini baru-baru ini.

Pameran kali ini yang berlangsung di Galeri Hab Media Kreatif dan Teknologi, Universiti Teknologi MARA (UiTM), menampilkan pelbagai karya yang menggambarkan kepelbagaian kehidupan serta ciri-ciri masyarakat ASEAN yang bermatlamatkan untuk mempromosikan komuniti ASEAN.

Koordinator Hab Media Kreatif dan Teknologi, Fakulti Pendidikan UiTM, Sumardianshah Silah, berkata ASEAN sebagai sebuah organisasi serantau ditubuhkan untuk menjalinkan kerjasama dalam sektor ekonomi, sosial serta pendidikan.

Bagaimanapun, katanya, ASEAN turut menjadikan budaya dan kesenian sebagai tunjang penting untuk mengukuhkan lagi ikatan antara negara serantau dengan pengukuhan berkenaan mampu mengekalkan kestabilan, keharmonian dan keselamatan.

"Pameran kali ini turut menyasarkan penyertaan dalam kalangan pensyarah dan pelajar UiTM, Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), Universitas Negeri Yogyakarta (UNY), beberapa Universiti Awam (UA) dan swasta serta sekolah daripada kedua-dua negara," katanya dalam suatu kenyataan di sini, baru-baru ini.

Sumardianshah berkata, penyertaan bagi pameran itu juga terbuka kepada semua individu atau organisasi dari negara ASEAN.

10 kategori

Beliau berkata, 10 kategori karya yang ditetapkan iaitu Warisan Sains dan Teknologi; aksesori dan Warisan; Tekstil: Tenunan Songket dan Batik; Seni Bina, Ukiran dan Pertukangan; Kraf Tangan; Seni Tarian dan Pakaian; Alat Muzik Tradisio-

nal serta Masakan dan Makanan.

Katanya, antara institusi dan sekolah yang terbahit adalah UiTM (75 karya), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) (3), Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) (4), Sekolah Seni Johor Bahru (4), Universiti Negeri Yogyakarta (UNY) (25), Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) (40), Universitas Negeri Malang (UNM) (1).

"Pameran kali ini adalah kesinambungan daripada pembabitan UA yang menyertai Pameran Antarabangsa Seni Rupa 'Mari Ngagambar' sempena Festival DJAMOE'15 di UPI, Indonesia sebelum ini," katanya.



BERSAMBUNG
DI SEBELAH



Antara karya seni rupa dalam Pameran Pendidikan Seni Rupa ASEAN 2015.

“**ASEAN turut menjadikan budaya dan kesenian sebagai tunjang penting** untuk mengukuhkan lagi ikatan antara negara serantau”

Sumardianshah Silah,
Koordinator Hab Media Kreatif dan Teknologi,
Fakulti Pendidikan UiTM

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

